

# Buruh ladang warga asing tetak isteri dipenjara lapan tahun, empat sebatan

**MIRI:** Seorang buruh ladang warga asing dijatuhi hukuman penjara lapan tahun dan empat sebatan oleh Mahkamah Sesyen di sini, semalam kerana menetak isterinya menggunakan sebilah parang.

Mahkamah turut memerintahkan tertuduh dirujuk ke Jabatan Imigresen untuk tujuan pengusiran setelah selesai menjalani hukuman penjara kelak.

Hukuman itu dijatuhkan Hakim Azreena Aziz setelah mendengar pengakuan bersalah tertuduh yang telah menjimatkan masa dan kos mahkamah, keterangan fakta

kes dan mengambil kira berat kesalahan yang dilakukannya serta kepentingan awam.

Refdi Manu dari Indonesia, didakwa mengikut Seksyen 326 Kanun Keseksaan yang boleh membawa hukuman penjara hingga 20 tahun dan denda serta sebat, jika sabit kesalahan.

Menurut keterangan kes, tertuduh didapati dengan sengaja telah mendatangkan kecederaan parah ke atas Herdiana Yusmida Thersina dengan menetak isterinya itu menggunakan sebilah parang iaitu sejenis senjata yang boleh menyebabkan kematian.

Dia didakwa melakukan

kesalahan itu pada jam 10.30 malam, 21 Mac lalu di sebuah kuarters pekerja sebuah ladang di Batu Niah.

Di hadapan mahkamah, tertuduh merayu agar hukuman ke atasnya diringankan memandangkan ini adalah kesalahan pertamanya.

Mahkamah memerintahkan hukuman penjara ke atas tertuduh dikuatkuasakan mulai tarikh tangkapan pada 22 Mac lalu.

Pendakwaan kes dikenyalikan Timbalan Pendakwa Raya David Bakit Nuing, manakala tertuduh tidak diwakili peguambela.